

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 26 MEI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4

Bilangan ketua isi rumah miskin tegar berdaftar berkurang

Bilangan ketua isi rumah miskin tegar berdaftar berkurang

Kuala Lumpur: Persidangan Dewan Rakyat semalam dimaklumkan bilangan ketua isi rumah (KIR) miskin tegar berdaftar sudah berkurang dari pada 124,744 kepada 118,217 KIR bagi tempoh 15 Disember 2022 hingga 15 Mei lalu.

Timbalan Menteri Ekonomi, Datuk Hanifah Hajar Taib, berkata menurut data dinamik eKasih seliaan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (JPM), KIR miskin berdaftar pula berkurang daripada 304,911 kepada 299,080 KIR dalam tempoh sama.

“Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) terkini yang diterbitkan adalah untuk 2019. Insiden kemiskinan mutlak ialah 5.6 peratus dan insiden kemiskinan tegar ialah 0.4 peratus.

“DOSM (Jabatan Perangkaan Malaysia) sedang memuktamadkan dapatan HIES dan BA 2022 yang dijangka diterbitkan pada suku ketiga 2023,” katanya pada sesi soal jawab persidangan Dewan Rakyat di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan Mohd Syahir Che Sulaiman (PN-Bachok) mengenai kemajuan yang dicapai kerajaan untuk mengurangkan kadar kemiskinan dan menghapuskan kemiskinan tegar sejak enam bulan lalu.

Hanifah Hajar berkata, situasi pasaran buruh negara juga bertambah baik sejak negara memasuki fasa peralihan ke endemik dengan kadar pengangguran bagi Mac 2023 menurun kepada 3.5 peratus berbanding 5.3 peratus pada Mei 2020.

Katanya, pertumbuhan ekonomi yang kukuh pada 2022 membantu menyokong pemuliharaan dalam pasaran buruh.

Situasi pasaran buruh negara juga bertambah baik sejak negara memasuki fasa peralihan ke endemik

Hanifah Hajar Taib,
Timbalan
Menteri
Ekonomi

Tangani kemiskinan

Beliau berkata, kerajaan sedang melaksanakan pelbagai intervensi untuk menstruktur ekonomi negara dengan keperluan ekonomi rakyat berhubung menangani kemiskinan dan sebahagian daripada langkah membantu golongan miskin sudah diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika Bajet 2023.

Antara langkah yang diumumkan ialah Sumbangan Tunai Rahmah kepada hampir sembilan juta penerima dengan peruntukan hampir RM8 billion; bantuan pelbagai subsidi kepada pesawahan dan pekebun kecil dan Pakej Perpaduan Prabayar Internet Mudah Alih dan Pakej Perpaduan Jalur Lebar.

Hanifah Hajar memberitahu sejumlah 82,892 peserta sudah berdaftar untuk Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang menumpukan kepada pengupayaan golongan B40 bagi meningkatkan potensi pendapatan secara mampan hingga 22 Mei lepas dan RM750 juta sudah disediakan untuk 2023 bagi tujuan itu.

BERNAMA